

KITAMUIS - 29 JUN - UTUSAN

Menguatkan teras ekonomi

OLU KUNIBUPIN MOUD AMIN

HARI ini Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi akan membentangkan Laporan Kajian Sepuruh Penggal Rancangan Malaysia Ke-sembilan (RMK-9) di Dewan Rakyat.

Pembentangan itu semestinya bertujuan melihat sejauh mana sejauh mana progres rancangan-rancangan yang telah dibentangkan pada April 2006.

Kajian mengikut penggal itu juga tidak lain tidak bukan untuk mengukur hasil kerja keras kerajaan membina fundamental yang kukuh untuk memastikan negara berada pada landasan yang betul untuk maju.

Ia bersesuaian dengan matlamat RMK-9 itu sendiri iaitu sebagai langkah membina landasan ke arah pencapaian ekonomi yang mantap untuk memastikan matlamat Wawasan 2020 tercapai.

Agenda pembangunan lima tahun itu semestinya dirangka dengan begitu komprehensif supaya menjadi garis panduan untuk melonjakkan ekonomi negara.

Namun selepas lebih dua tahun senarai projek dan program di bawah RMK-9 diumumkan, muncul pula isu-isu semasa seperti kenaikan harga minyak dunia yang sedikit sebanyak menuntut pengubahanan serta penambahan dana.

Langkah itu penting untuk memastikan sektor penting seperti makanan, pengangkutan awam dan pembasmian kemiskinan tidak terjejas berikutan kenaikan harga minyak yang sekali gus meningkatkan perbelanjaan di peringkat kerajaan.

Lebih daripada itu sektor-sektor penting seumpama itu sentiasa menjadi keutamaan kerajaan kerana hubung kaitnya dengan rakyat terutama golongan berpendapatan rendah.

Semestinya juga sektor penting itu amat berkait dengan lima teras utama pelan perancangan lima tahun yang menjadi tonggak RMK-9.

Bagi rancangan yang telah berjalan selama dua setengah tahun itu, ekonomi negara mengembang melepasi enam peratus setahun, pada 2006 dan 2007, lebih daripada sasaran yang diunjurkan oleh salah satu teras utama itu.

Di bawah teras utama yang menggariskan peningkatan ekonomi dalam rantaian nilai lebih tinggi, ekonomi di-

jangka berkembang pada kadar purata enam peratus setahun bagi tempoh 2006-2010.

Timbalan Ketua Pengarah Unit Perancangan Ekonomi (UPE), Noriyah Ahmad menarik perhatian mengenai keyakinan bahawa negara mampu mencapai purata Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) sebanyak enam peratus sehingga 2010.

"Kita mencapai (pengembangan ekonomi) lebih daripada yang diunjurkan dalam jangka masa dua tahun," katanya dalam satu pertemuan dengan media kelmarin.

Mengulas lanjut, beliau juga tidak ragu-ragu untuk membuat unjuran bahawa empat teras utama yang turut membentengi RMK-9 mampu dicapai kerana kerajaan komited terhadap setiap perancangan yang telah dibentangkan.

Empat lagi teras utama itu ialah;

- Meningkatkan keupayaan pengetahuan dan inovasi negara serta memupuk 'minda kelas pertama';
- Menangani masalah ketidakseimbangan sosioekonomi yang berterusan secara membina dan produktif;
- Meningkatkan tahap dan kemampuan kualiti hidup;
- Mengukuhkan keupayaan institusi dan pelaksanaan.

Bagaimanapun, katanya, keadaan ekonomi yang serba mencabar menerusi peningkatan harga minyak dan bahan binaan, senario itu mampu memberi kesan kepada RMK-9.

Justeru, kata Noriyah, untuk menangani keadaan itu tidak mustahil jika peruntukan rancangan bertempoh lima tahun itu ditambah pada Kajian Sepuruh Penggal RMK-9.

Selain itu, RMK-9 turut memberi keutamaan kepada beberapa aspek yang terdapat dalam lima teras utamanya seperti meningkatkan pengeluaran makanan, menaik taraf pengangkutan awam dan pembasmian kemiskinan

Noriyah berkata, perangkaan terkini menunjukkan pengurangan jurang pembangunan di bandar dan di luar bandar telah dapat dilakukan.

"Sesuatu yang betul telah dilakukan. Oleh itu, kami akan mengemukakan sasaran baru," katanya.

Noriyah juga menekankan tentang statistik yang menunjukkan kadar kemiskinan tegar berkurang kepada 0.7 peratus pada tahun lalu berbanding 1.2 peratus pada 2004.



PROGRAM pembasmian kemiskinan menjadi antara keutamaan kerajaan dalam mengukuhkan teras ekonomi negara.

- Gambar hiasan

Pengurangan yang signifikan itu menunjukkan kesungguhan kerajaan untuk mencapai sasaran sifar miskin tegas menjelang 2010.

Secara keseluruhan, kadar kemiskinan di negara ini turut berkurangan kepada 3.6 peratus pada tahun lalu daripada 5.7 peratus pada 2004.

Katanya, bagi memastikan usaha tersebut tercapai, projek-projek pembangunan terus disalurkan di tempat yang sepatutnya.

Berbeza dengan negara sedang membangun lain, seperti Filipina dan Indonesia, pembangunan di Malaysia lebih teratur dan menyeluruh yang mana kawasan luar bandarnya dibangunkan dengan baik.

Berikutan peningkatan harga minyak, antara sektor yang dijangka mendapat perhatian dalam Kajian Sepuruh Penggal RMK-9 ialah pengangkutan awam pengeluaran makanan.

Menurut Noriyah, meningkatkan kualiti perkhidmatan awam tidak sepatutnya dihadkan kepada memperkenalkan pengangkutan yang canggih, sebaliknya apa yang perlu dilihat ialah mempunyai sistem pengangkutan awam yang kos efektif.

Menurutnya, antara yang boleh dila-

kukan ialah menambah bilangan koc selain memperkenalkan luanan bas.

"Dengan mempunyai sistem pengangkutan awam yang cekap boleh menggalakkan penduduk negara ini menggunakan kemudahan itu," jelasnya.

Bagi pengeluaran makanan pula, RMK-9 lebih menurus kepada usaha-usaha yang mendorong peningkatan tanaman seperti membuka kawasan penanaman baru dan membina sistem pengairan baru.

Dengan peningkatan harga makanan, peruntukan bagi pengeluaran makanan dijangka ditingkatkan sebanyak RM36 bilion. Seperti Rancangan Malaysia sebelum ini, RMK-9 boleh dilaksanakan seperti yang dirancang walaupun negara menghadapi pelbagai cabaran, baik luaran ataupun dalaman.

Kini rancangan yang akan tamat dalam masa 30 bulan itu tidak hanya terletak di tangan kerajaan tetapi juga di tangan penduduk negara ini.

Dengan komitmen yang diberikan kerajaan, maka tiada sebab mengapa Misi Nasional yang menggariskan lima teras utama bagi menjadikan Malaysia sebagai negara maju pada 2020 tidak boleh dilaksanakan.